

Asri ceria, Gamel kecewa

Oleh [Asrol Awang](#) - April 17, 2022 @ 12:59pm

bhsukan@bh.com.my



Pemain Melaka meraikan jaringan ketika menentang Sri Pahang di Stadium Darul Makmur malam tadi.

KUANTAN: Pengendali sementara Melaka United, Mohd Asri Ninggal memuji semangat juang yang dipersembahkan anak buahnya selepas menewaskan Sri Pahang FC 2-1 di Stadium Darul Makmur, malam tadi.

Katanya, kemenangan itu juga memberi suntikan semangat bukan sahaja barisan kejurulatihan dan pemain, malah memperbaiki kedudukan dalam saingan liga.

"Sebenarnya, kemenangan ini bukan kelegaan buat saya, malah ia lebih kepada negeri Melaka selepas hanya mengutip satu mata daripada empat perlawanan.

"Pada perlawanan ini (malam tadi), pemain menunjukkan mereka adalah pemain yang baik dan boleh membuat sesuatu buat pasukan.

"Sama ada mereka hendak atau tidak tetapi mereka berjaya bangkit daripada ketinggalan seterusnya mencatat kemenangan.

"Saya berterima kasih kepada pemain kerana mereka mencatat kemenangan pertama musim ini," katanya.

Pada perlawanan itu, dua gol Melaka United, masing-masing satu dijaringkan oleh Emmanuel Essigba dan Mohamad Hasbullah Abu Bakar pada minit ke-51 dan 70.

Gol tunggal Sri Pahang pula dijaringkan oleh pemain import, Mahmoud Za'tara pada minit keempat.

Sementara itu, rasa kecewa tidak dapat disembunyikan pengendali Sri Pahang FC, Christophe Gamel selepas kekalahan itu sekali gus memadam misi skuad Tok Gajah untuk mencatat kemenangan pertama musim ini.

"Beberapa kesilapan yang dilakukan serta tidak bermain dengan baik menyebabkan kita gagal untuk mencatat kemenangan.

"Diharapkan pada perlawanan selepas ini pemain tidak mengulangi kesilapan sama," kata jurulatih berasal dari Perancis itu.